

1. Masalah kecurian yang berlaku sejak akhir-akhir ini telah mengganggu _____ pe_____ di kawasan perumahan itu.



- ☐ A ketenteraman
- ☐ B kemewahan
- ☐ C keramahan
- ☐ D kesopanan

2. Pengetua memuji keberanian Kamil yang bergadai _____ untuk menyelamatkan seorang kanak-kanak yang hampir lemas semasa mandi di lombong itu.

- ☐ A jiwa
- ☐ B harta
- ☐ C nyawa
- ☐ D semangat

3. Negeri Kelantan sangat terkenal dengan _____ makanan tradisionalnya seperti budu dan keropok lekor.

- ☐ A keenakan
- ☐ B keindahan
- ☐ C kehalusan
- ☐ D keharuman

4. Para pengawas yang baru dilantik _____ menerima watakah pelantikan daripada pengetua pada hari perhimpunan sekolah.

- ☐ A itu
- ☐ B sini
- ☐ C situ
- ☐ D sana

5. Sultan atau raja merupakan pemerintah tertinggi bagi setiap negeri. _____ juga menjadi penasihat dalam hal ehwal agama.

- ☐ A Beta
- ☐ B Patik
- ☐ C Beliau
- ☐ D Baginda

6. "_____ berasa sungguh kecewa akan mutu permainan yang _____ pameran pada perlawanan hari ini," kata jurulatih itu kepada pemain-pemainnya.

- ☐ A Aku ... anda
- ☐ B Kita ... kamu
- ☐ C Saya ... kalian
- ☐ D Kami ... mereka

7. _____ yang diadakan di pekarangan stadium itu bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan penjagaan kesihatan.

- ☐ A karnival gaya hidup sihat
- ☐ B Karnival gaya gidup sihat
- ☐ C karnival Gaya Hidup Sihat
- ☐ D Karnival Gaya Hidup Sihat

8. Jumlah pengunjung yang membanjiri _____ bersempena dengan program "Jom _____ h" itu mencecah ratusan ribu orang.

- ☐ A stadium Indera Mulia
- ☐ B stadium indera Mulia
- ☐ C Stadium indera mulia
- ☐ D Stadium Indera Mulia

9. "Saya tidak pernah mempunyai _____ hubungan dengan lelaki itu," kata Nasuha kepada pegawai polis itu.

- ☐ A mana-mana
- ☐ B siapa-siapa
- ☐ C apa-apa
- ☐ D sesiapa

10. "Titah perintah _____ akan patik laksanakan," kata Hang Jebat kepada Sultan Mansur Syah.

- ☐ A beta
- ☐ B tuanku
- ☐ C hamba
- ☐ D baginda

11. Datuk Rohaizan ialah usahawan terkenal dalam perusahaan tekstil kerana _____ telah melibatkan diri dalam bidang tersebut sejak 25 tahun yang lalu.

- ☐ A dia
- ☐ B kita
- ☐ C beliau
- ☐ D mereka

12. "Berehatlah dahulu jika _____ berasa letih kerana perjalanan kita masih jauh," kata Said kepada Musa.

- ☐ A kita
- ☐ B kami
- ☐ C anda
- ☐ D kamu

13. "Saya berharap agar semua ahli kelab akan hadir ke perjumpaan kali _____ kerana _____ akan mengadakan pemilihan ahli jawatankuasa yang baharu," kata guru penasihat Persatuan Bahasa Melayu itu.

- ☐ A Ini ... kita
- ☐ B itu ... kita
- ☐ C ini ... kami
- ☐ D itu ... mereka

14. Pihak kerajaan sedang mempergiat kawalan keselamatan di kawasan _____ negara _____ daripada diceroboh oleh pendatang tanpa izin.



- ☐ A zon
- ☐ B tebing
- ☐ C wilayah
- ☐ D sempadan

15. Kerajaan Negeri Perak giat mempromosikan tempat-tempat bersejarah untuk menarik kedatangan _____ dari dalam dan luar negara ke negeri itu.

- ☐ A peniaga
- ☐ B peminat
- ☐ C penonton
- ☐ D pelancong

16. Sila matikan enjin kenderaan _____ ketika mengisi petrol di stesen minyak untuk mengelakkan kebakaran.

- ☐ A mereka
- ☐ B beliau
- ☐ C anda
- ☐ D saya

17. "Ke _____ kah peragut itu melarikan diri selepas terjatuh daripada motosikalnya?" tanya Salman kepada Faris.

- ☐ A apa
- ☐ B siapa
- ☐ C mana
- ☐ D mana-mana

18. "_____ akan memastikan kebajikan rakyat di negeri ini terpelihara," titah Sultan Alam Syah.

- ☐ A Beta
- ☐ B Kami
- ☐ C Patik
- ☐ D Hamba

19. Para pelabur dinasihatkan supaya tidak panik kerana pasaran saham di _____ mencatatkan penurunan yang kecil.

- ☐ A bursa saham antarabangsa Kuala Lumpur
- ☐ B bursa saham Antarabangsa Kuala Lumpur
- ☐ C Bursa saham antarabangsa Kuala Lumpur
- ☐ D Bursa Saham Antarabangsa Kuala Lumpur

20. Nazihah terpaksa mengikut keluarganya ke luar negara kerana bapanya telah ditukarkan ke pejabat Kedutaan Indonesia sebagai duta Malaysia di _____.

- ☐ A ini
- ☐ B itu
- ☐ C sini
- ☐ D sana